

SOALAN NO.: 192

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH
KAWASAN : SETIU**

SOALAN:

YB. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH minta **MENTERI
KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dirangka bagi memastikan jalan raya di negara ini mencapai penarafan tiga bintang dan ke atas menjelang 2020.

peratus ke pasaran kerja, 20 peratus melanjutkan pengajian dan 10 peratus menjadi usahawan.

Melalui Transformasi Pendidikan Vokasional, KPM telah menaik taraf 80 buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) kepada Kolej Vokasional (KV) dengan memperkenalkan pelbagai kursus yang dapat memenuhi keperluan industri. Selain dianugerahkan Diploma Vokasional Malaysia (DVM), pelajar-pelajar lepasan KV akan memperoleh Sijil Profesional Tambahan seperti sijil daripada City & Guild (C&G), The Welding Institute (TWI), WQT Lloyd's Register, *Construction Industry Development Board* (CIDB) dan lain-lain bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka ke arah melahirkan pekerja yang berkemahiran tinggi.

RT14/191

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN DARIPADA : JUSOH [SETIU]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Che Mohamad Zulkifly Bin Jusoh [Setiu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah yang dilakukan oleh Kementerian bersama-sama pihak terlibat bagi meningkatkan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui kursus dan sebagainya agar menepati standard industri antarabangsa.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) mulai tahun 2012. Transformasi Pendidikan Vokasional ini bertujuan mengarusperdanakan pendidikan vokasional setanding dengan aliran pendidikan perdana. Transformasi ini mencorak landskap baharu kepada sistem pendidikan negara yang berteraskan pencapaian kompetensi kemahiran dan akademik. Matlamat Transformasi Pendidikan Vokasional ialah untuk melahirkan tenaga kerja separuh mahir dan mahir dengan sasaran 70

masa, dimana-mana sahaja untuk memastikan maklumat mereka adalah betul dan terkini;

- iii) Pengguna boleh mengemas kini alamat surat menyurat, no. telefon mudah alih dan alamat e-mel (maklumat perhubungan) melalui pelbagai saluran yang disediakan; dan
- iv) Maklumat peribadi merujuk kepada Nombor Kad Pengenalan, Nama, Tarikh Lahir, Jantina, Alamat Tetap adalah mengikut yang didaftarkan dalam Kad Pengenalan.

Disamping itu juga, kaunter Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang mempunyai kes yang banyak telah dipilih dan diberi kemudahan sebagai kaunter pendaftaran pengesahan pengguna baru dalam talian myidentity dimana orang ramai boleh mendaftar sebagai pengguna dalam talian myIDENTITY. Melalui inisiatif ini, pihak JPN telah membekalkan 30 unit kemudahan BIOMETRIC bagi membolehkan Pendaftaran Pengguna Baru Dalam Talian myIDENTITY dibuat yang melibatkan kaunter di PKMD Kuala Terengganu, Besut, Kota Bharu, Pasir Mas, Kinta, Larut, Matang & Selama, Kuantan, Temerloh, Hulu Langat, Klang, Kuala Muda, Kulim, Melaka Tengah, Jasin, Timur Laut, Seberang Perai Tengah, WP Labuan, Johor Bahru, Batu Pahat, Kota Kinabalu, Tawau, Sandakan, Seremban, Port Dickson, Perlis, WP Kuala Lumpur, Kuching, Sibu dan Kaunter OSC KPWKM, Putrajaya.

Sistem ini diwujudkan bagi memudahkan berurusan dengan agensi Kerajaan. Perkhidmatan ini disediakan untuk warganegara dan pemastautin tetap. Dengan kemudahan yang disediakan ini:

- i) Pengguna tidak perlu memberi maklumat peribadi yang sama berulang kali;
- ii) Pengguna boleh menyemak maklumat peribadi pada bila-bila

210

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam mempertingkatkan tahap perkhidmatan kepada kumpulan sasaran bagi memudahkan urusan dalam semakan serta permohonan semula bantuan di bawah JKM terutama melalui Pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau National Blue Ocean Strategy (NBOS).

Mulai Januari 2015, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah berkerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melaksanakan integrasi Sistem Pengurusan Bantuan Kebajikan (eBantuan) dengan sistem myIDENTITY, JPN. Melalui integrasi ini perkongsian data antara Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah dilaksanakan bagi memudahkan urusan dalam semakan serta permohonan bantuan di bawah JKM.